# buletin landskap negara

EDISI 2020



MAJLIS NEGARA TAMAN

Feature : A Blooming 2020

FUTURE LANDSCAPE IS NOW

HARI LANDSKAP NEGARA 2020

"Generasi Muda Mencorak Landskap Negara"

Jabatan Landskap Negara | landskapnegara | landskapnegara | http://www.jln.gov.my/







Jabatan Landskap Negara · landskapnegara · landskapnegara · http://www.jln.gov.my/

# ISI KANDUNGAN


## FOKUS : HLN 2020



## PERISTIWA



## PROGRAM TERAS



## WAWANCARA




## BINGKISAN PBT



## AKTIVITI



## PERSPEKTIF

## KELAB JLN




### future landscape is now?

Landscape entities play a vital role in shaping and balancing physical developments particularly in the urban areas. With rapid urban growth, guidelines for sustainable planning and management.



Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Alhamdulillah dengan usaha dan berkat keizinan Allah SWT Buletin Landskap Negara edisi tahun 2020 telah berjaya diterbitkan. Saya juga ingin menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan dengan limpah izin-Nya Jabatan Landskap Negara terus utuh berdiri sebagai sebuah Jabatan yang produktif, efisien dan kompeten serta berupaya menyumbang secara signifikan kepada pembangunan Negara.

Pada tahun ini genaplah Jabatan Landskap Negara berusia 24 tahun dan ini cukup mendewasakan JLN dalam meneraju kecemerlangan Malaysia Negara Taman Terindah. Mengimbas kembali tahun 2019, JLN mencatat dua sejarah penting iaitu penubuhan Majlis Negara Taman dan pewartaan Taman Persekutuan Bukit Kiara seluas 400.89 ekar. Tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga JLN kerana kejayaan ini adalah milik kita bersama. Saya juga amat berterima kasih kepada Kementerian Wlayah Persekutuan kerana menyokong usaha ini selain semua pihak yang terlibat tidak kira di peringkat Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan dan Agensi berkaitan, pihak industri landskap, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Badan Bukan Kerajaan dan lain-lain.

Tahun 2020 bermula dengan lancar di mana, secara rasminya JLN telah berpindah ke pejabat baharu di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya dan beroperasi sepenuhnya pada 20 Februari 2020. Jabatan juga berjaya menganjurkan sambutan Hari Landskap Negara 2020 pada 28 Februari hingga 1 Mac 2020 yang lalu di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur dengan tema "Generasi Muda Mencorak Landskap Negara". Adalah diharapkan agar golongan muda dapat menyahut cabaran dan memainkan peranan penting sebagai penyambung usaha ke arah merealisasikan visi Negara Taman Terindah, bertepatan dengan tema yang menjadi fokus utama Buletin Landskap Negara pada kali ini.

Walaupun Malaysia dan seluruh dunia terkesan dengan pandemik Covid-19 pada ketika ini, saya berharap tahun 2020 akan terus melakar kejayaan-kejayaan baharu. Jabatan akan sentiasa peka dengan keperluan semasa ke arah penambahbaikan dalam sistem pentadbiran dan pengurusan bagi memastikan Jabatan lebih kompeten seterusnya menjadikan JLN sebagai sebuah Jabatan yang unggul dalam bidang landskap di negara ini.

Semoga segala urusan kita dipermudahkan dan sentiasa dilindungi dan dirahmati Allah SWT.

**ROTINA BINTI MOHD. DAIK**
**KETUA PENGARAH**
**JABATAN LANDSKAP NEGARA**

# Editorial Buletin Landskap Negara


**PENASIHAT**
Rotina binti Mohd Daik

**KETUA EDITOR**
Meor Saadon Sofian bin Mior Razali

**EDITOR**
Mohd Saifuddin bin Ali

**SIDANG PENGARANG**
Nor Arfah binti Mohd Ishak
Mohd Saifuddin bin Ali
Nur Adelina binti Ramli
Siti Annural Balkis binti Mokhtar
Noor Fadilah binti Yusop @ Othman
Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Hisham
Mohd. Faizal bin Nashahar
Fariza Hanim binti Muhamad Jamil
Noraleza binti Ahmad

**URUS SETIA**
Noor Fadilah binti Yusop @ Othman
Noraleza binti Ahmad

**KONSEP REKABENTUK**
Mohd Saifudin bin Ali

Terbitan Bahagian Promosi dan Industri Landskap, Jabatan Landskap Negara



* Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua medium penerbitan tanpa izin JLN.

FOKUS




Penulis
Mohd Saifuddin bin Ali
Noraleza binti Ahmad

## Tema HLN 2020

Jabatan Landskap Negara (JLN) telah menganjurkan sambutan Hari Landskap Negara (HLN) buat kali yang ke-22 bermula daripada 28 Februari hingga 01 Mac 2020 bertempat di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur. HLN yang diadakan pada setiap tahun ini bertujuan untuk menekankan kepentingan landskap kepada masyarakat melalui Teras 1 iaitu Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap. Antara peranan Jabatan ialah untuk mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat dalam menghargai landskap, Justeru, pada sambutan kali ini JLN memfokuskan kepada golongan muda yang menjadi harapan untuk menyambung usaha ke arah Negara Taman Terindah dengan tema "Generasi Muda Mencorak Landskap Negara'.

## Majlis Perasmian HLN 2020

Kemuncak sambutan HLN2020 yang diadakan selama 3 hari ini adalah Majlis Perasmian Hari Landskap Negara 2020 yang disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan pada 1 Mac 2020 (Ahad). Beliau turut diiringi oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara dan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Majlis Perasmian ini juga turut dihadiri oleh jemputan peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Penggiat Industri Landskap, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta Badan Bukan Kerajaan dan orang awam.

# FOKUS





Pn. Hajah Rotina Mohd. Daik, KP JLN mengiringi YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, KSU KWP ke pentas




Perasmian sambutan HLN 2020 oleh YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, KSU KWP

# FOKUS

## Acara Tanam Pokok bersama Generasi Muda

Bersempena Majlis Perasmian HLN2020 ini juga, JLN telah mengadakan acara penanaman pokok sebanyak 202 batang pokok yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar bersama-sama pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta secara serentak. Acara ini adalah simbolik kepada tanggungjawab melandskapkan negara juga digerakkan secara bersama dengan generasi muda.





Lebih daripada 30 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka telah hadir memeriahkan acara ini. YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar telah menanam pokok Merbau (*Intsia palembanica*) manakala antara spesis pokok yang ditanam oleh generasi muda adalah:



| | |
|---|---|
| Medang | (*Antinodapne glomerate*) |
| Cengal | (*Balanocarpus heimii*) |
| Kayu Arang | (*Cratoxylum cochinchinensis*) |
| Tembusu | (*Fragrea fragrans*) |
| Rukam Manis | (*Flacourtia jangomas*) |
| Kasai | (*Pometia Pinnata*) |
| Kembang Semangkuk | ( *Scaphium macropodum*) |
| Pelawan Merah | (*Tristaniopsis obovate*) |



# FOKUS

## Sekitar Majlis Perasmian HLN 2020




Lawatan ke pameran JLN oleh Ketua Setiausaha KWP, YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar dengan diiringi oleh Ketua Pengarah JLN, Datuk Bandar Kuala Lumpur serta Ketua Pengarah PLANMalaysia.







Lawatan ke pameran DBKL oleh Ketua Setiausaha KWP, YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar. Beliau sudi menerima cenderahati berupa sejambak orkid dari pihak penganjur.

Mahasiswa dari UCAM turut hadir bagi memeriahkan acara.



# FOKUS

## Anugerah Hari Landskap Negara

Pada sambutan Hari Landskap Negara yang ke-22 ini juga diadakan penyampaian Anugerah bagi menghargai komitmen pihak berkuasa tempatan, komuniti, sukarelawan dan pemaju dalam membantu menjayakan visi Negara Taman Terindah. Terdapat empat kategori yang telah disampaikan iaitu Inisiatif Negara Taman Terindah, pengiktirafan bagi PBT yang komited dalam meningkatkan mutu perkhidmatan landskap secara komprekensif di kawasan masing – masing dari segi perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap.

Inisiatif Negara Taman pula mengiktiraf pemaju perumahan yang secara konsisten melaksanakan pembangunan lestari dengan membangunkan kawasan landskap di kawasan perumahan yang dibangunkan. Manakala anugerah seterusnya ialah Inisiatif Landskap Komuniti Negara Taman yang mengiktirafkan penglibatan komuniti dalam membangunkan kawasan landskap.

Ini adalah kali kedua JLN memberi pengiktirafan di mana kali pertama adalah semasa sambutan Hari Landskap Negara 2019 di Taman Botani Putrajaya.




## Inisiatif Negara Taman Terindah

Pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);

- Tempat Pertama
  Majlis Bandaraya Johor Bahru

- Tempat Kedua
  Majlis Bandaraya Shah Alam

- Tempat Ketiga
  Majlis Bandaraya Ipoh






# FOKUS

## Inisiatif Negara Taman

Pengiktirafan kepada syarikat pemaju :

- SP Setia Group
- Gamuda Land
- Sime Darby Properties



















## Inisiatif Landskap Komuniti Negara Taman

Pengiktirafan kepada komuniti yang proaktif dalam kerja-kerja perlandskapan, keindahan dan penghijauan kawasan kejiranan selari dengan konsep Malaysia in Bloom;

- Tempat Pertama
  Pusat Kebun komuniti Tasik Teratai 8 Timur, Shah Alam, Selangor
- Tempat Kedua
  Taman Desa Anggerik, Serendah, Hulu Selangor, Selangor
- Tempat Ketiga
  Persatuan Penduduk Taman Mewah, Yong Peng, Johor

# FOKUS




## Jalinan Kerjasama JLN & DBKL

Sambutan HLN2020 di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur pada kali ini dijayakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan di mana JLN sebagai penganjur dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai rakan penganjur. Selain itu, JLN juga bekerjasama dengan agensi dan Jabatan lain iaitu Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Penyiaran Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia, Pejabat Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Pusat Belia Antarabangsa (IYC) dan St. John Institution. Kesungguhan pelbagai agensi serta kakitangan JLN membuahkan hasil dimana sambutan kali ini amat meriah dengan sambutan pengunjung yang menggalakkan. JLN merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga khususnya kepada Jabatan Landskap dan Rekreasi, DBKL dan juga agensi-agensi yang terlibat.



# FOKUS







Pengunjung yang hadir memenuhi ruang tempat duduk yang disediakan di Taman Botani Perdana.

Aktivit zumba diadakan di pentas utama manakala pertandingan mewarna diadakan di Panggung Anniversari.

Satu aksi menarik *jump shout* dari Bahagian Taman Awam



# FOKUS

## Aktiviti di HLN 2020

Sambutan Hari Landskap kali ke-22 ini merupakan sambutan yang paling meriah yang pernah dianjurkan oleh Jabatan Landskap Negara. Adalah dianggarkan seramai 3000 pengunjung telah mengunjungi sambutan berkenaan yang diadakan di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.

Pada sambutan HLN ke-22, aktiviti – aktivit bermula dari 28 Februari lagi iaitu pameran dan jualan landskap telah pun berlangsung. Banyak produk – produk landskap yang dijual oleh para penggiat industri seperti pengusaha nurseri, pembekal alat permainan kanak – kanak dan juga bahan – bahan pembinaan landskap kejur.





Pada 29 Februari 2020 pula, selain daripada pameran landskap, acara dimulakan dengan persembahan zumba di pentas utama dan juga pertandingan mewarna di peringkat kanak – kanak yang diadakan di Panggung Anniversari.

Pertandingan gubahan bunga juga diadakan pada hari tersebut pada sebelah petang. Orang ramai dilihat berpusu – pusu menuju ke petans utama pada selah petang untuk menyaksikan persembahan artis seperti Naim Daniel, Mus May, Kaka Azraf dan diiringi oleh Kombo DBKL.

Terima kasih diucapkan kepada DBKL yang membawakan artis – artis tersebut sebagai tarikan kepada Hari Landskap Negara ke-22 ini.

Acara tanam pokok yang disertai para pelajar dari IPTA / IPTS terpilih memeriahkan HLN 2020



# FOKUS



Pengunjung dapat menikmati makanan dan minuman dengan hanya menukar kupon di *food truck*.



Partandingan gubahan bunga diadakan pada 29 Februari 2020 bertempat di pentas utama.




Pameran landskap sempena HLN 2020




Pelajar IPTA sedang melakarkan kreativiti masing – masing.

Peserta kanak-kanak yang menunjukkan hasil kreativiti mereka dalam pertandingan mewarna



# FOKUS




## Larian Hari Landskap Negara 2020

**Acara sambutan Hari Landskap Negara telah dimulakan seawal jam 6.30 pagi dengan acara Larian Hari Landskap Negara 2020. Pihak JLN mendapat kerjasama sepenuhnya dari Majlis Sukan Wiayah Persekutuan, DBKL dan juga BudiRun. Seramai 2300 peserta telah menyertai larian ini.**



Acara pelepasan larian pula disempurnakan oleh Ketua Pengarah JLN, Pn Hjh Rotina Binti Mohd Daik.














# FOKUS

## Sana Sini Hari Landskap Negara 2020















**Terima Kasih Semua.**

# FOKUS

## Seminar Karakter Landskap & Kualiti Visual di dalam Perancangan Landskap



Jabatan Landskap Negara juga menganjurkan Seminar Karakter Landskap dan Kualiti Visual dalam Perancangan Landskap sempena HLN2020. Seminar telah diadakan pada 2 Mac 2020 bertempat di Biro Pelancongan Kuala Lumpur, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur. Tujuan seminar adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penilaian karakter landskap dan kualiti visual dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan kawasan landskap. Seramai 150 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi berkaitan, Perunding Landskap dan Institusi Pengajian Tinggi. Sebanyak 9 kertas kerja telah dibentangkan pada hari tersebut.

## Senarai Pembentang - Pembentang Kertas Kerja




Karakter Landskap Membentuk Wawasan Negara
Ucaptama
**Pn. Hajah Rotina binti Mohd Daik,**
**Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara**




Penilaian Karakter Landskap (LCA): Antara Konsep dan Halatuju Pelaksanaannya di Malaysia
**LAr. Anuar bin Mohd Noor,**
**Perunding Landskap Sitelink Sdn. Bhd.**

# FOKUS



The Relevancy of Landscape Characters and Visual Quality Assessment for National Development
**Prof. Madya LAr. Dr. Suhardi Maulan,**
**Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina, UPM**

Adopting the Landscape Character Assessment in Landscape Maste Planning and Policy Formulation
**En. Wan Fakaruddin bin Wan Abd. Aziz,**
**Jabatan Landskap Negara**











Rural Landscape Characters for Tourism Route Planning
**Prof. Madya LAr. Dr. Khalilah binti. Zakariya**
**Head of Internationalisation & Global Network, UIAM**

Penilaian Karakter Landskap: Langkah Asas Ke Arah Penjanaan Identiti Serta Mencapai Pembangunan Mampan Setempat
**LAr. Zainul Hakim bin Mohd Zain,**
**Perunding Landskap ABD**

Penilaian Kualiti Visual Menggunakan Manual Karakter Landskap - Kajian Laluan Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur - Singapura
**Pn. Mastura binti Ismail,**
**Jabatan Landskap Negara**

Community, Culture & Climate Considerations in Landscape Design
**En. Murali Ram**
**Program Director, Think City**

Pemeliharaan dan Pemuliharaan Landskap Warisan Berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]
**Tn. Syed Khalid bin Syed Ali,**
**Jabatan Warisan Negara**

# FOKUS

## Majlis Negara Taman

Penulis
Nur Adelina Ramli




YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia semasa Majlis Perasmian sambutan Hari Landskap Negara 2019 pada 3 Mac 2019 telah menyatakan kepentingan bagi menjadikan Malaysia sebagai Negara Taman Terindah demi kepentingan generasi akan datang. Di dalam majlis yang sama, beliau turut menekankan kepentingan untuk menjadikan landskap sebagai budaya hidup masyarakat Malaysia ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Pada 4 Mac 2019, satu Taklimat Khas Kementerian Wilayah Persekutuan telah diadakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan kepada YAB Perdana Menteri. YAB Perdana Menteri telah mempersetujui penubuhan Majlis Negara Taman.



Majlis Negara Taman telah diluluskan penubuhannya secara rasmi pada 24 April 2019 melalui penerimaan Nota Jemaah Menteri. Pada 2 November 2019, bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur, buat pertama kali, majlis ini telah bermesyuarat dengan dihadiri oleh Exco- Exco Kerajaan Negeri, pakar – pakar dari bidang landskap dan dipengerusikan oleh YB Khalid Samad, Menteri Wilayah Persekutuan. Ketua Pengarah JLN pula bertindak sebagai Setiausaha kepada majlis berkenaan.

Terdapat dua pembentangan pada sidang yang pertama ini iaitu:-

i. Kertas Konsep Negara Taman ;dan
ii.Inisiatif Penanaman Pokok Teduhan dan Bunga-bungaan di Seluruh Negara - Malaysia Negara Taman

Tujuan utama Majlis Negara Taman ditubuhkan ialah bagi memastikan penyelarasan yang rapi dapat dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan berhubung dengan perkara-perkara berkaitan dengan landskap, pembangunan taman awam dan kawasan hijau serta pelbagai ruang rekreasi negara selaras dengan usaha menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

# PERISTIWA & AKTIVITI

## Malaysian Outdoor & Recreation Conference 2019

Jabatan Landskap Negara telah menyertai Persidangan *Malaysian Outdoor Recreation* [Morec] 2019 bertempat di Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya pada 18 Disember 2019.

Persidangan ini menghimpunkan semua penggiat industri bidang sains sukan dan rekreasi. Persidangan ini dirasmikan oleh YB Tuan P. Prabakaran, Ahli Parlimen Batu yang juga merupakan Pengerusi Portfolio Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan.

Pada persidangan ini juga, Jabatan membentangkan satu kertas kerja bertajuk " Dasar Kerajaan dalam Menyediakan Taman Rekreasi " yang disampaikan oleh En. Mohd Saifuddin bin Ali, Pengarah Bahagian Promosi & Industri Landskap.





## Sesi Dialog Ketua Pengarah JLN Bersama PBT



Pada 17 Disember 2019, satu sesi dialog antara Ketua Pengarah JLN bersama wakil Pihak Berkuasa Tempatan [PBT] telah diadakan bertempat di Jabatan Landskap Negara. Seramai 60 orang wakil PBT telah bersama – sama hadir menjayakan sesi dialog tersebut.

Ketua Pengarah JLN telah menyampaikan amanat daripada Perdana Menteri Malaysia supaya menanam pokok teduhan berbunga di jalan – jalan protokol supaya setiap daerah dan bandar kelihatan menarik dan indah.

Beliau juga menyarankan supaya pihak PBT turut terlibat sama dalam mengindahkan persekitaran kawasan supaya hasrat menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah tercapai.

Pada sesi tersebut satu kertas kerja dibentangkan oleh Puan Ramona Razali iaitu berkenaan dengan industri bunga – bungaan di Malaysia.

Penulis
Lailatul Badariah Ikhmal Hisham

# PROGRAM TERAS

## Taman Awam Tepian Sungai Muar Tanjung Agas, Tangkak, Johor




**C**
- *Integrated playground*
- *Historical wall*
- Tandas
- *Promenade*
- Papan tanda 'Tangkak'
- Tempat letak kereta

**D**
- *Entrance gateway*
- Dataran Rakyat
- Laman tradisional
- *Iconic sculpture*
- *Jetty*
- Wakaf
- *Multipurpose parking*
- Tiang bendera
- *Information wall*

**E**
- Laman Riadah
- Gelanggang Serbaguna
- Trek joggiing
- *Outdoor gym*

## Konsep Perancangan

Perancangan pembangunan taman ini dimulakan sejak tahun 2014 bermula dengan permohonan pembangunan sebuah taman awam bagi memenuhi keperluan rekreasi 52,014 penduduk Tangkak khususnya dan rakyat Johor umumnya oleh Majlis Daerah Tangkak kepada Jabatan Landskap Negara.

Taman yang berkonsepkan Warisan dengan menonjolkan cerita rakyat Puteri Gunung Ledang ini adalah hasil kepakaran pasukan perunding yang dilantik iaitu Arkitek Landskap: OTLA Design Partnership, Jurutera Sivil dan Struktur: Babtie Jurutera Perunding Sdn. Bhd., Jurutera Mekanikal dan Elektrikal: Jurutera Perunding BZ dan Juru Ukur Bahan: JB Bergabung. Cerita rakyat Puteri Gunung Ledang ditonjolkan melalui rekabentuk lampu taman, tujuh dulang berukir yang diletakkan di papan tanda masuk taman, dinding sejarah dan *entrance structure*. Malah rekabentuk Dataran Rakyat juga diilhamkan daripada rekabentuk cucuk sanggul Puteri Gunung Ledang.

## Analisis Tapak

Pasukan perunding mengambilkira lokasi tapak yang terletak di tepian Sungai Muar yang terdedah kepada peratus kebarangkalian karat yang tinggi semasa proses rekabentuk. Semua komponen taman yang dibuat daripada besi perlu menggunakan *galvanished iron* sepenuhnya.

Memandangkan struktur tanah sediada yang tidak begitu kuat dan berlumpur serta lokasi tapak taman yang pernah dijadikan sebagai tapak pembuangan sampah, pemantauan teliti dibuat oleh pasukan perunding sepanjang tempoh pembinaan. Pokok-pokok sediada yang telah matang di tapak dipelihara dan diintegrasikan di dalam rekabentuk taman. Aras tanah di deretan pokok hujan sediada telah ditinggikan bagi mengelakkan pokok ditenggelami oleh air masin semasa kejadian air pasang. Malah laluan pejalan kaki telah dibina di celahan deretan pokok hujan dan sistem pencahayaan yang menarik telah dipasang. Tidak salah jika dikatakan bahawa Taman ini adalah mini Taman Tema I-City yang terletak di Shah Alam.

# PROGRAM TERAS



Bagi pengguna taman yang berminat menikmati pemandangan bandar Muar dari dalam kawasan taman, *promenade* yang lengkap dengan kawasan tempat duduk dan sistem pencahayaan yang menarik disediakan bagi tujuan tersebut. Setiap laluan pejalan kaki telah dibina di celahan deretan pokok hujan dan sistem pencahayaan yang menarik telah dipasang. Maklumat sejarah setempat turut diletakkan di empat dinding sejarah sebagai input tambahan kepada masyarakat setempat.

Taman Awam Tepian Sungai Muar, Tanjung Agas, yang mempunyai keluasan sebanyak 7.24 ekar dibina dengan menyediakan kemudahan rekreasi kepada semua lapisan masyarakat pelbagai umur. Bagi kanak-kanak pastinya tertumpu kepada Zon C yang menyediakan dua set taman permainan bersepadu lengkap dengan *spring items* dan buaian yang mempunyai rekabentuk terkini berkonsepkan kapal.





Bagi tujuan penggunaan taman yang lebih formal sebagai contoh majlis-majlis yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri, ia boleh dilaksanakan di Dataran Rakyat. Dataran ini mempunyai pentas terbuka dengan 10 tiang bendera bagi mewakili daerah-daerah di Johor lengkap dengan sebuah *iconic sculpture* yang melambangkan kapsul masa sebagai simbolik kepada masa lalu, kini dan hadapan.

Laman Rakyat yang ada di zon ini boleh dijadikan tempat demonstrasi untuk permainan rakyat. Tujuh dulang berukir yang diletakkan di kawasan pintu masuk utama adalah sebagai simbolik kepada cerita yang dikaitkan dengan Puteri Gunung Ledang. Bagi pengguna muda yang ingin bersukan, pasti tertumpu kepada Zon E yang menyediakan tiga buah gelanggang serbaguna dan laluan jogging.




Penulis
Siti Annural Balkis Mokhtar

# PROGRAM TERAS

## PROGRAM PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2019

Penulis
Fariza Hanim Muhammad Jamil

Program Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan memberi tumpuan untuk menyediakan kawasan persekitaran yang kondusif melalui penyediaan kemudahan infrastruktur landskap yang optimum, indah, berfungsi dan efektif di persekitaran kawasan kediaman dan pekan-pekan kecil. Ia dilihat mampu meningkatkan integrasi sosial dan menyokong kesejahteraan hidup rakyat.



Landskap Persekitaran Kehidupan di Jalan SP 2/1, Seri Pristana, Mukim Ijok, Kuala Selangor, Selangor

Pewujudan program ini mampu memberi impak segera kepada rakyat kerana ia memberi fokus khusus kepada pendekatan peningkatan kualiti persekitaran kehidupan melalui pembangunan landskap secara *people centered* dan penambahbaikan kesejahteraan hidup masyarakat setempat.

Komponen projek yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada lokasi kawasan projek dan keperluan rekreasi masyarakat setempat. Ia melibatkan pembinaan landskap kejur seperti laluan siar kaki, wakaf, tempat duduk, peralatan permainan kanak-kanak, alatan senaman, tong sampah dan penanaman landskap lembut.



## Senarai Projek Persekitaran Kehidupan 2019

Berikut adalah antara projek yang siap dilaksanakan pada tahun 2019 :

1. Landskap Persekitaran Kehidupan di Jalan SP 2/1, Seri Pristana, Mukim Ijok, Kuala Selangor, Selangor.

2. Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Dato' Taha, Gemencheh, Negeri Sembilan.

3. Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Desa Permata, Gerik, Perak.

4. Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Saujana, Pontian, Johor.

5. Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Kerayong Makmur, Bera, Pahang.

6. Landskap Persekitaran Kehidupan di Kawasan Lapang Jalan Temenggong, Pusat Bandar Parit Buntar, Perak.

7. Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Wawasan, Mersing, Johor.

8. Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Muhibbah, Kampar, Perak.

9. Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Sedia Raja, Rembau, Negeri Sembilan.

# PROGRAM TERAS



Landskap Persekitaran Kehidupan di Jalan SP 2/1, Seri Pristana, Mukim Ijok, Kuala Selangor, Selangor



Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Saujana, Pontian, Johor



Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Kerayong Makmur, Bera, Pahang



Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Desa Permata, Gerik, Perak



Landskap Persekitaran Kehidupan di Kawasan Lapang Jalan Temenggong, Pusat Bandar Parit Buntar, Perak



Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Wawasan, Mersing, Johor




Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Muhibbah, Kampar, Perak




Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Sedia Raja, Rembau, Negeri Sembilan

# WAWANCARA

The people's paper Star

Artikel ini telah disiarkan oleh akhbar Sunday Star pada 12 Jan 2020

## Feature : A Blooming 2020




AS 2020 unfolds, Malaysians can expect the landscape to bloom around us too.

At least, that is the vision 2020 the National Landscape Department has in mind: to create a beautiful garden nation by this year.

It is hoping to create a more scenic landscape by encouraging local authorities to plant flowers and shrubs with coloured leaves and trees that provide shade from the blazing Malaysian sun.

To kick things off, the department added a splash of colour to the road leading to the Parliament building in Kuala Lumpur.

The path towards the august House is decked with green and maroon bushes, with sprinkles of yellow and purple blooms and lined with Malaysian flags flapping proudly in the wind.

The landscaping work, supported by the Kuala Lumpur City Hall (DBKL) and Federal Territories Ministry, was completed in October last year – just in time for the last Dewan Rakyat meeting of the year. "We thought it would be good for lawmakers to see how significant a difference can be made if you improve the surroundings.

" We hope they will realise this and spread the message back to their own constituencies." department director-general Rotina Mohd Daik tell's Sunday Star.

Efforts to beautify our surroundings will be especially timely with the Visit Malaysia 2020 (VM2020) campaign to promote Malaysia as a top tourist destination. Through VM2020, we expect to welcome 30 million tourists from all over the world.

Malaysia is also the host of this year's Asia-Pacific Economic Cooperation (Apec) summit and World Congress on Information Technology, among others. For the Apec summit, 16,000 international delegates are expected to arrive at our shores for over 120 meetings in five cities around Malaysia throughout the year. We called on all local authorities in December to plant flowering plants or coloured leaves at strategic areas.

"The main reason is for areas to create an identity of their own. This would associate landscape with tourism like in Japan where sakura flowers are iconic of their landscape, and hence boost tourism. "We believe if all local authorities can follow the policy, it might be a game changer for the country's landscape, " Rotina says.

Even the Prime Minister himself has mentioned the importance of maintaining a good landscape. During the National Landscape Day in March last year, Tun Dr Mahathir Mohamad said he wanted beautiful landscapes around homes, villages and towns to be a part of our culture and our society – to turn Malaysia into a beautiful garden country. Rotina's department translated this into policy to be followed by states and local authorities.

But while the move isn't mandatory, she says many local councils and authorities have been cooperative and supportive of it.

